

Tarbiyah Pengasas Siri 53

6 Jun 2023

BAGAIMANA AMALAN ISDEV MENCAPAI IMAN

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

Soalan Profesor Madya Dr Mohd Shukri Hanapi

Prof, dalam usaha membina kekuatan iman ini dalam kalangan warga ISDEV, apakah yang telah dilakukan di ISDEV? Saya tahu dan yakin, Prof tidak bercakap sahaja berkaitan iman, malah ada perkara yang dilakukan untuk membina dan memantapkan aspek iman ini dalam diri setiap warga ISDEV. Hal ini selaras dengan pernyataan yang Prof. selalu ulang iaitu "Kita hendaklah berilmu dan beramal dengan ilmu itu".

Jawapan

Dalam kita hendak menguatkan iman, ada tiga faktor penting yang perlu diambilkira. Perkara-perkara tersebut ialah IMAN, NAFSU, dan AMALAN.

Ketiga-tiga faktor ini berkaitan rapat dengan iman. Huraianya adalah seperti berikut.

1. Iman ada kaitan dengan Ilmu. Oleh itu:

- (i) Tingkatkan Ilmu Fardhu 'Ain dan Fardhu Kifayah (dari Iman Taqlid ke Iman Ilmu, Ayan, Haq dan Haqiqat):
Ilmu Fardhu 'Ain

- (ii) Aktiviti: Pengajian Selasa, Tarbiyah sebelum kuliah, pendidikan informal melalui interaksi dan pergaulan; Ilmu Fardhu Kifayah – Kuliah-kuliah, assignments, penyelidikan, penulisan formal

2. Iman ada kaitan dengan Nafsu. Oleh itu:

- (i) Tingkatkan Nafsu (dari ammarah, lawwamah, mulhamah ke mutmainnah, radhiyah, mardhiyyah dan kamilah)
- (ii) Aktiviti: Bermusafir (mengenepikan kepentingan peribadi, menguatkan aqal, emosi dan fizikal), menjaga makanan, memberi hadiah, mengiktiraf kewujudan, mengiktiraf kejayaan, etc. Ini semua membawa kepada peningkatan mahmudah (sifat-sifat terpuji) dan memusnahkan mazmumah (sifat-sifat terkeji)

3. Iman ada kaitan dengan amalan. Oleh itu:

- (i) Beramal dengan yang wajib dan meninggalkan yang haram

Aktiviti: Tdak guna harta kerajaan, tidak amal free-riderism, etc dengan penuh Rasa Kehambaan dan Rasa Bertuhan

- (ii) Beramal dengan amalan-amalan utama (fadho-ilul-'amal, amalan-amalan sunat)

Aktiviti: Puasa Isnin Khamis, solat berjemaah, solat hajat, sujud syukur, tutup kepala, simpan janggut, warna kesukaan Rasulullah, bersalan & berpelukan,